"Saya/kami akui bahawa saya telah membaca karya ini pada pandangan saya/kami karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)."

Tandatangan : ....
Nama Penyelia : PN NIZA BTE MOHD IDRIS
Tarikh : 05/05/06

A PC CONTROL SYSTEM FOR CONTROLLING BLINDS ON WINDOWS

MOHAMAD AZHRI BIN ZULKIFLI

Tesis Ini Dihantar Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

March 2006

Saya akui laporan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan petikan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

Tandatangan : ....

Nama Penulis : MOHAMAD AZHRI ZULKIFLI

Tarikh : 05 / 05 / 06

DEDIKASI

Untuk ayah dan ibu tersayang

ZULKIFLI BIN ABDULLAH
WAN SAADIAH BINTI TAIB

Abang dan adik

MOHAMAD AZHLAN
MOHAMAD RIDZUAN
MOHAMAD HAFIZ

Dan tidak lupa kepada semua rakan-rakan

PENGHARGAAN

Assalamualaikum….

Setinggi-tinggi ucapan kesyukuran ke atas Allah s.w.t kerana dengan izin-nya dapat juga saya menyiapkan projek sarjana muda ini.Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan juga kepada penyelia saya iaitu Pn Niza Binti Idris di atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau berikan di sepanjang melaksanakan projek sarjana muda ini.

Tidak lupa juga, penghargaan ditujukan kepada Penyelaras Projek Sarjana Muda iaitu Mr Soo Yew Guan yang mana telah memberi sedikit sebanyak petunjuk mengenai laporan dan juga susun atur perjalanan projek, pensyarah-pensyarah, juruteknik-juruteknik yang banyak memberi kerjasama dalam menggunakan makmal-makmal yang berkaitan di sepanjang perjalanan projek ini dijalankan.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih ini juga ditujukan kepada kedua ibu bapa saya, ahli keluarga, kawan-kawan dan juga mana-mana pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam menyiapkan dan menyempurnakan projek ini.

ABSTRAK

Projek ini adalah bertujuan untuk membina sebuah model tirai tingkap yang dikawal oleh komputer. Model melibatkan penggunaan perisian Visual Basic, *PIC (peripheral interface controller) microcontroller* dan Motor Servo. Konsep untuk model ini adalah *PIC microcontroller* akan menerima arahan atau data yang dimasukkan oleh pengguna melalui pengantaramuka grafik pengguna pada komputer, kemudian menggerakkan motor servo berdasarkan arahan tersebut. Pergerakkan motor servo akan menggerakkan kedudukan tirai pada tingkap. Projek ini dicadangkan penggunaanya untuk kegunaan di pejabat, rumah dan kilang. Sebagai contoh, ianya boleh digunakan oleh institusi pertanian yang mahu mengawal kadar pengcahayaan kawasan semaian anak benih, pejabat yang mempunyai bilangan tingkap yang banyak, menyelesaikan masalah mengubah kedudukan tirai tingkap bagi bingkai tingkap yang sukar dicapai dan banyak lagi yang boleh diaplikasikan oleh projek ini. Masalah yang dihadapi sebelum projek ini diperkenalkan ialah pengguna perlu ke setiap tingkap untuk mengubah kedudukan tirai secara manual atau menggunakan alat kawalan jarak jauh. Ini sudah pasti tidak praktikal untuk bangunan yang banyak tingkap. Kebaikkan yang diperolehi daripada projek yang direka ini ialah ianya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dan menjimatkan masa pengguna.

ABSTRACT

The project when completion will allow user to control windows curtain using a computer. Visual Basic is use as it platform in designing the grafic user interface. As a controller, the PIC (peripheral interface controller) and the servo motor will be use as an output device to make the system working. User will gain an easy control of window curtain by only intercept with the grafic user interface that has been design. This will result the opening and closing of the window curtain with the designed interface. The system can be implementing as a light control mechanism to the agriculture industries where controlling light to plants are critical, office or residence with a large space area and in solving the problem in controlling curtain for a huge window type where user will no have to done it manually like what they have done normally. An easy problem solving system can be implement to the daily life problem such the curtain controlling during completion if this system.

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

CISC	Complex Intruction System Computer
CMOS	Complementary Metal Oxide Semiconductor
CTS	Clear To Send
DCE	Data Communication Equipment
DTE	Data Terminal Equipment
EEPROM	Electrical Erasable Programmable Random Access Memory
GUI	Graphical User Interface
LED	Light Emmiting Diode
PDA	Personal Digital Assistant
PIC	Peripheral Interface Controller
PLC	Programmable Logic Controller
RAM	Random Access Memory
RISC	Reduce Instruction System Computer
ROM	Read Only Memory
RTS	Ready To Send

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sistem kawalan pada masakini telah berubah dan lebih tertumpu kepada sistem kawalan berkomputer. Secara amnya sistem kawalan pada masa lepas lebih tertumpu kepada sistem kawalan analog. Sistem kawalan analog ialah sistem kawalan yang menggunakan komponen seperti butang kawalan, suis, perintang boleh laras dan sebagainya. Manakala pada masakini kawalan terhadap sesuatu sistem lebih kepada penggunaan komputer.

Terdapat banyak perisian yang boleh diguna untuk membangunkan sesebuah sistem kawalan digital. Salah satu yang paling digemari dan mudah digunakan adalah perisian *Visual Basic 6.0.* Dengan menggunakan perisian ini, sesebuah sistem kawalan boleh dibangunkan dengan mempunyai fungsi yang mesra pengguna. Sistem yang telah dibangunkan untuk projek ini adalah sebuah sistem kawalan motor servo di mana sistem dapat mengawal pergerakkan samaada ke kiri atau ke kanan.

Aplikasi untuk projek ini adalah cuba menggerakkan kedudukan tirai menggunakan pengantaramuka grafik pengguna (*Graphical User Interface*) pada komputer. Konsep untuk model ini adalah *Programmable Interface Controller (PIC) Microcontroller* akan menerima arahan atau data yang dimasukkan oleh pengguna melalui pengantaramuka grafik pengguna pada komputer, kemudian menggerakkan motor servo berdasarkan arahan tersebut. Pergerakkan motor servo akan menggerakkan kedudukan tirai pada tingkap.

Penggunaan *PIC microcontroller* adalah tepat kerana ia merupakan litar bersepadu yang mudah diprogram, murah, dan mempunyai keupayaan operasi yang tinggi. Ia boleh dikatakan sebagai sebuah komputer yang lengkap dalam litar bersepadu yang kecil. Dalam projek ini *PIC microcontroller* yang digunakan ialah PIC16F84A. Manakala motor yang digunakan untuk projek ini ialah motor servo. Motor servo dipilih kerana ia mempunyai kuasa kilasan yang tinggi, bersaiz kecil, mudah dikawal, lengkap dengan litar dalaman dan lengkap dengan kotak gear dalaman.

1.2 OBJEKTIF PROJEK

Objektif projek rekabentuk sistem pengawalan tirai tingkap berkomputer ialah:

1. Merekabentuk sebuah model prototaip tirai tingkap yang dikawal sepenuhnya menggunakan komputer.
2. Mengkaji aturcara menggunakan perisian *Visual Basic* yang boleh membenarkan pengguna berkomunikasi melalui pengantaramuka grafik pengguna bagi mengawal sistem.

3. Membangunkan aturcara *PIC microcontroller* yang boleh menerima arahan melalui kabel sesiri dari komputer dan seterusnya mengeluarkan keluaran seperti yang dikehendaki.
4. Memastikan pergerakkan motor servo berdasarkan arahan yang diberi melalui pengantaramuka grafik pengguna pada komputer.
5. Menjimatkan masa pengguna untuk mengubah kedudukan tirai tingkap mereka.
6. Mengaplikasikan segala pengetahuan yang diperolehi dalam bidang elektronik dan komputer seperti mengkaji dan membangunkan litar elektronik, aturcara *PIC microcontroller*, aturcara perisian *Visual Basic* dan pengantaramuka grafik pengguna yang mesra pengguna di dalam mencipta sesuatu yang memudahkan kehidupan seharian.
7. Merekabentuk dan merealisasikan satu sistem yang menggabungkan antara mekanikal dan elektronik yang mana bersesuaian dengan kursus yang diceburi.

1.3 KEPENTINGAN PROJEK

Sekiranya model prototaip berjaya berfungsi sepenuhnya, maka ia boleh dimajukan untuk dijadikan salah satu elemen penghasilan rumah pintar. Seperti yang diketahui rumah pintar merupakan sebuah rumah yang menggunakan komputer sepenuhnya dalam pengawalan seperti mengawal buka dan tutup pintu pagar rumah. Selain itu, pengawalan menggunakan komputer terhadap pergerakkan motor servo dapat diadaptasikan ke atas aplikasi lain seperti projek sistem pengawal tangan robotik (*robotic arm controller*). Selain itu projek ini amat berguna terhadap projek yang berasaskan kepada aplikasi robotik. Buat masa ini, pengawalan tirai tingkap menggunakan komputer masih tidak terdapat di sekitar Negeri Melaka. Teknologi yang digunakan untuk mengawal tirai tingkap yang sedia ada pada masakini menggunakan alat kawalan jauh. Maka, diharap projek prototaip ini dapat dijadikan inovasi kepada kaedah pengawalan tirai tingkap yang lebih efisien.

1.4 PENYATAAN MASALAH

Aplikasi pengawalan turun dan naik tirai dipilih untuk projek ini disebabkan beberapa faktor masalah yang wujud dalam persekitaran kita. Antara masalah yang dapat diselesaikan ialah:

1. Projek ini boleh digunakan oleh kilang yang mahu mengawal kadar pencahayaan untuk penghasilan produk. Kadar pencahayaan yang masuk ke dalam bangunan dapat dikawal melalui komputer dimana komputer akan mengawal kedudukan tirai pada tingkap bangunan berdasarkan kemahuan pengguna.
2. Bagi pejabat yang mempunyai banyak tingkap, ia akan memudahkan pengawalan kedudukan tirai dengan hanya menggunakan sebuah komputer. Pengguna tidak perlu ke setiap tingkap untuk membuka atau menutup tirai.
3. Selain itu, ia juga dapat menyelesaikan masalah mengubah kedudukan tirai tingkap bagi bingkai tingkap yang sukar dicapai.
4. Menyelesaikan masalah penggunaan alat kawalan jauh sekiranya sesebuah rumah itu mempunyai bilangan bilik yang banyak. Pengguna tidak perlu ke setiap bilik untuk mengubah kedudukan tirai.
5. Dapat menjimatkan masa pengguna.

1.5 METADOLOGI PENYELIDIKAN

Untuk memudahkan perlaksanaan projek dijalankan ia dibahagi kepada empat bahagian yang penting. Bahagian yang pertama ialah kajian literatur yang bertujuan untuk mendapatkan pemahaman keseluruhan projek yang akan dibina. Bahagian yang kedua ialah pembinaan litar dan pembangunan aturcara. Bahagian yang ketiga ialah pengujian litar dan bahagian yang terakhir ialah bahagian pembinaan litar menggunakan papan litar bercetak dan melengkapkan prototaip.

Bahagian pertama ialah kajian literatur penting untuk memahami teori dan membuat pemilihan terhadap peranti yang ingin diguna. Ia dapat dilakukan dengan membuat rujukan buku-buku, jurnal, artikel, serta halaman internet yang bersesuaian untuk menjayakan projek ini.

Bahagian kedua ialah pembinaan litar dan pembangunan aturcara. Bahagian pembinaan litar terbahagi kepada dua iaitu litar satu dan litar dua. Dua litar telah dibina untuk dijadikan ujikaji. Pengubahsuaian telah dilakukan untuk membaiki litar yang sedia ada. Litar yang terbaik dan sesuai akan dibangun di atas papan litar bercetak. Manakala pembangunan aturcara terbahagi kepada dua iaitu pembangunan aturcara *PIC microcontroller* dan pembangunan aturcara *visual basic.*

Bahagian ketiga ialah bahagian pengujian litar. Setelah aturcara dan litar-litar ujikaji siap dibangunkan, aturcara akan dimuat turun ke dalam *PIC microcontroller* untuk pengujian. Dalam proses ini masalah yang timbul akan dikenalpasti dan cuba diselesaikan.

Bahagian keempat iaitu bahagian terakhir yang mana ia penting untuk menunjukkan hasil ataupun keluaran setelah ketiga-tiga bahagian disempurnakan. Bahagian ini ialah bahagian pembinaan litar menggunakan papan litar bercetak dan melengkapkan prototaip. Setelah ujikaji terhadap kedua-dua litar dijalankan, litar yang dijangkakan sesuai dan berpotensi akan dipilih untuk diadaptasikan di atas papan litar bercetak.

1.6 KANDUNGAN TESIS

Tesis ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bab 1 mengandungi pengenalan kepada projek, objektif, kepentingan, penyataan masalah dan metodologi penyelidikan. Bab 2 pula mengandungi kajian literatur seperti kajian terhadap litar, komponen berkaitan, jenis motor yang sesuai digunakan dan cara penggunaan beberapa perisian utama seperti MPLAB IDE v7.20 dan IC-Prog 1.05A. Bab 3 pula menjelaskan metadologi pembangunan projek dari mula projek dibangunkan sehingga projek siap sepenuhnya. Manakala bab 4 ialah bab keputusan projek. Di dalam bab ini akan diterangkan mengenai litar yang dibangunkan, pengubahsuaian terhadap litar dan pembangunan perisian. Bab 5 merupakan bab yang terakhir yang mengandungi kesimpulan dan cadangan terhadap projek yang dibangunkan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

Untuk memudahkan pelaksanaan projek, kajian literatur telah dilakukan terhadap perkara-perkara yang ada kaitan dengan projek ini. Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan limitasi projek yang sedia ada. Disamping itu ia akan meningkatkan pemahaman berkaitan kaedah yang digunakan dan cara pengoperasiannya. Kajian latar belakang yang dilakukan ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu:

1. Kajian terhadap litar-litar yang digunakan untuk mengawal motor servo menggunakan *PIC microcontroller*. Tumpuan diberikan kepada cara pengoperasiannya.
2. Kajian terhadap *controller* seperti *programmable logic controller (PLC), microprocessor* dan *microcontroller* kerana ia adalah komponen utama dalam projek ini. Kajian terhadap komponen dilakukan bertujuan untuk memilih *controller* yang paling sesuai untuk pembangunan projek.
3. Kajian terhadap motor servo. Tumpuan diberikan pada spesifikasi motor servo tersebut dan konsep kawalan motor servo menggunakan *PIC microcontroller*.

4. Kajian terhadap port kabel sesiri. Kabel sesiri digunakan sebagai medium penghantaran data atau arahan dari komputer ke litar *PIC microcontroller*.
5. Penerangan perisian berkaitan seperti *MPLAB IDE* dan *IC-Prog 1.05A*. Kaedah penggunaan kedua-dua perisian ini akan diterangkan secara ringkas.

2.1 LITAR KAWALAN MOTOR SERVO

Tumpuan diberikan kepada pembangunan litar kawalan motor servo menggunakan *PIC microcontroller*. Setelah kajian untuk pemilihan motor dan *controller* dilakukan, motor servo dan *PIC microcontroller* dikenal pasti sebagai komponen yang paling sesuai untuk pembangunan litar projek. Oleh kerana itu, kajian literatur secara lebih mendalam terhadap pembangunan litar kawalan motor servo dijalankan berbanding litar kawalan motor stepper dan litar kawalan motor arus terus. Litar kawalan motor servo terdapat dijual di internet dengan harga mencecah USD 99.95. Rajah 2.1 merupakan salah satu litar kawalan motor servo yang dijual di internet. Litar tersebut menggunakan suis dan pengantaramuka grafik pengguna seperti dalam Rajah 2.2 sebagai unit kawalan motor.



Rajah 2.1: Litar Kawalan Motor Servo



Servo 1 150

Servo 2 150

Servo 3 150

Servo 4 150

Speed 50

Serial Port COM 1

Command Mode ● Interactive ○ Scripting

Script Actions 1

Rajah 2.2: Pengantaramuka Grafik Pengguna

2.1.1 Gambarajah Blok Litar Kawalan Motor Servo



Rajah 2.3: Gambarajah Blok Litar Kawalan Motor Servo

Daripada gambarajah blok di atas, litar kawalan motor servo merupakan gabungan beberapa litar seperti litar komunikasi sesiri, litar penjana jam, litar isyarat masukkan dan litar keluaran PIC16F84A. Litar ini mampu menampung keluaran sebanyak 8 buah motor servo.

2.1.2 Litar Komunikasi Sesiri

Dengan merujuk Rajah 2.4, litar komunikasi sesiri ini dihubungkan dengan komputer utama bermula di P1, penghubung BD9 perempuan (*female DB9 connector)*. Pin 1,4 dan 6 disambungkan bersama untuk memastikan komputer utama menerima data sesiri dari *PIC microcontroller* pada bila-bila masa. Pin 5 disambungkan ke litar bumi manakala pin yang selebihnya disambungkan ke MAX232.

Chip MAX232 digunakan untuk menukar isyarat voltan dari RS232 kepada isyarat logik CMOS yang boleh digunakan oleh *PIC microcontroller*. Ia mempunyai dua penerima yang menukar isyarat RS232 kepada isyarat logik CMOS dan dua pemancar yang menukar isyarat logik CMOS ke isyarat voltan RS232. Kapasitor C1, C2, C3, C4, dan C5 digunakan untuk menjana voltan +10 volt dan – 10 volt.

Garis RX dari port sesiri disambungkan kepada keluaran pemancar pertama (T1Out) di mana ia dikawal oleh isyarat *Serial Out* dari *PIC microcontroller*. Garis TX disambungkan kepada masukkan penerima kedua (R2In) di mana ia mengawal isyarat *Serial In* yang disambungkan ke *PIC microcontroller*. Garis CTS dari port sesiri disambungkan kepada keluaran pemancar kedua (T2Out) di mana ia dikawal oleh isyarat *Clear To Send* dari *PIC microcontroller*. Manakala garis RTS disambungkan kepada masukkan penerima pertama (R1In) di mana ia mengawal isyarat *Request To Send* yang disambungkan ke *PIC microcontroller*.



Rajah 2.4: Litar Komunikasi Sesiri

2.1.3 Litar Penjana Jam

Dengan merujuk Rajah 2.5, PIC16F84A ini menggunakan pengayun kristal $4x10^6$ Hertz. Ia juga menggunakan dua kapasitor seramik bernilai $22x10^{-12}$ F (C1 dan C2). Isyarat jam ini dibahagikan kepada 4 bahagian untuk mengawal jam arahan *PIC microcontroller* bagi membolehkan *PIC microcontroller* melaksanakan arahan dalam masa $1x10^{-6}$ saat untuk setiap arahan.



Rajah 2.5: Litar Penjana Jam

2.1.4 Litar Keluaran PIC16F84A

Dengan merujuk Rajah 2.6, semua pin RB bermula dari RB0 ke RB7 digunakan sebagai keluaran *PIC microcontroller* untuk mengawal motor servo. Kesemua pin ini akan disambungkan ke pin isyarat masukkan pada motor servo.



Rajah 2.6: Litar Keluaran PIC16F84A

2.1.5 Litar Isyarat Masukkan

Dengan merujuk Rajah 2.7, LED D1 disambungkan pada pin RA4 dan pada bekalan kuasa 5 volt melalui perintang R1. Perintang R1 bertindak sebagai perintang penghad arus. Aturcara PIC akan menyalakan LED setiap kali bit data diterima dari komputer utama. Ia akan menyala semasa RA4 dalam keadaan aktif rendah.



Rajah 2.7: Litar Isyarat Masukkan

2.2 LITAR BEKALAN KUASA

Dengan merujuk Rajah 2.8, litar bersepadu alat atur (*IC Regulator*) digunakan untuk mendapatkan keluaran 5 volt yang tepat. Litar bersepadu yang digunakan ialah Lm7805. Diod D1 menawarkan kekutuban terbalik untuk keselamatan litar. Kapasitor C2 digunakan menstabilkan pengayun manakala kapasitor C1 digunakan untuk menapis kuasa dari bekalan 9 volt.



Rajah 2.8: Litar Bekalan Kuasa

2.3 *CONTROLLER*

Terdapat pelbagai jenis *controller* yang boleh digunakan untuk mengawal sesuatu sistem. Tiga *controller* utama yang banyak digunakan pada masakini ialah *programmable logic controller (PLC), microprocessor* dan *microcontroller*. PLC banyak digunakan dalam aplikasi sistem kawalan peralatan elektrik. PLC selalunya digunakan di kilang-kilang sebagai sistem kawalan produksi produk. Pada umumnya ia jarang digunakan untuk sistem kawalan elektronik. Untuk menggunakan jenis *controller* ini di dalam projek agak tidak sesuai memandangkan harganya yang terlalu mahal. Harga untuk *PLC controller* selalunya melebihi RM500. Harga ini agak mahal jika dibandingkan dengan *microprocessor* atau *Microcontroller*.

Microprocessor selalunya digunakan dalam sistem kawalan elektronik. Ia banyak digunakan di dalam telepon mudah alih, pembantu digital peribadi (PDA) dan sistem kawalan robotik. Litar bersepadu microprocessor tidak boleh bekerja sendiri. Ia memerlukan litar bersepadu ingatan, litar bersepadu masukkan dan keluaran, litar bersepadu penjana jam dan keluaran (*peripheral device*). Ini memberi kelebihan kepada *microprocessor* di mana ia mudah di tingkat upaya. Contoh *microprocessor* ialah Intel 8085, Atmel dan Motorola 68000.

Manakala *microcontroller* merupakan sebuah komputer yang lengkap di dalam litar bersepadu yang kecil. *Microcontroller* mempunyai unit pemproses pusat (CPU), ingatan terbina dalaman, daftar, litar masukkan dan keluaran. Ia merupakan litar bersepadu yang boleh beroperasi tanpa memerlukan peralatan atau litar tambahan. Ini membezakannya dengan *microprocessor*. Kelebihan *microcontroller* berbanding *controller* yang lain ialah ia murah dan senang digunakan. Keburukannya pula ialah ia sukar untuk di tingkat upaya. *Controller* jenis ini banyak digunakan dalam kamera digital, television, robot, peralatan elektronik dan sistem kawalan kenderaan.

PIC16F84A microcontroller telah dipilih untuk digunakan sebagai *controller* dalam projek ini. Pemilihan disebabkan oleh harganya yang murah dan senang diprogram.

2.3.1 Kajian Terhadap PIC16F84A

PIC (*Peripheral Interface Controller*) seperti PIC 16F84A merupakan sebuah komputer yang lengkap di dalam litar bersepadu yang kecil. Ia mengandungi:

1. Unit Pemproses Pusat (CPU)
2. Daftar (*Registers*)
3. Masukkan/Keluaran (*Input/Output*)
4. Ingatan (*Memory*)



Rajah2.9: Gambarajah blok PIC16F84A

2.3.1.1 Senibina *PIC microcontroller*

Microcontroller terdahulu menggunakan senibina Von-Nuemann. Senibina ini membenarkan data dan program disimpan pada ingatan yang sama. Tetapi semua jenis *PIC microcontroller* menggunakan senibina Harvard. Senibina ini memisahkan ingatan data dan ingatan program. Rajah 2.7 dan Rajah 2.8 di bawah menunjukkan senibina Von-Nuemann dan Harvard.





Rajah 2.10: Senibina Von-Nuemann

Rajah 2.11: Senibina Harvard



Rajah 2.12: Gambarajah Blok PIC16F84A yang lengkap

2.3.1.2 Teknologi EEPROM

PIC19F84A menggunakan teknologi *electrical erasable programmable random access memory*. EEPROM adalah dari jenis PROM yang mana data hanya dapat dipadamkan dengan mendedahkannya kepada cas elektrik. Data yang disimpan dalam ingatan EEPROM tidak akan hilang walaupun bekalan kuasa diputuskan. Seperti juga jenis ROM yang lain, EEPROM tidak sepantas ingatan RAM. EEPROM adalah lebih menyerupai ingatan *flash* atau *flash EEPROM.* Perbezaan prinsip untuk jenis-jenis ingatan ini ialah EEPROM perlu ditulis atau dipadam data dalam satu bait pada satu masa, sedangkan ingatan *flash* membenarkan data ditulis atau dipadam dalam bentuk block. Ini menjadikan ingatan *flash* laju. Teknologi ini membenarkan 10,000,000 kitaran tulis atau padam dalam ingatan data.

2.3.1.3 Ingatan *Flash* untuk Ingatan Program.

Ingatan *flash* ialah untuk menyimpan aturcara atau program yang ditulis. Ingatan *flash* membenarkan tulis atau padam pada lokasi ingatan yang banyak dalam satu operasi aturcara. Ingatan yang dibangunkan daripada teknologi *flash* boleh diprogram dan dibersihkan programnya lebih dari sekali. Ini menjadikan microcontroller ini sesuai untuk pembangunan perkakasan.

2.3.1.4 Masa Lari Bebas (*free-run-timer*)

Daftar yang berkapasiti 8 bit dan terbina di dalam microcontroller. Ia akan menambah nilai setiap 4 kitaran frekuensi jam sehingga mencapai nilai tertinggi iaitu 255.

2.3.1.5 Pin PIC16F84A

PIC16F84A mempunyai 18 pin. PIC ini mempunyai 13 port masukkan atau keluaran Rajah 2.13 di bawah menunjukkan pin layout.



Rajah 2.13: Gambarajah Pin PIC16F84A

2.3.1.6 Set Arahan PIC16F84A

Ada dua jenis set arahan untuk microcontroller. Set yang pertama ialah *complex instruction set computer (CISC)* dan set yang kedua ialah *reduce instruction set computer (RISC)*. Semua *PIC microcontroller* menggunakan jenis set arahan RISC. Untuk PIC16F84A hanya mempunyai 35 arahan sahaja. Setiap arahan dilaksanakan dalam satu kitaran kecuali *CALL, GOTO, BTFSC, BTFSS, RETURN, RETLW, RETFIE, INCFSZ dan DECFSZ* yang memerlukan dua kitaran.

Jadual 2.1: Set Arahan PIC16F84A

Mnemonic, operand	*Description*	*Cycle*	*Status affected*
BYTE-ORIENTED FILE REGISTER OPERATIONS			
ADDWF f,d	*Add W and F*	*1*	*C,DC,Z*
ANDWF f,d	*AND W with f*	*1*	*Z*
CLRF f	*Clear f*	*1*	*Z*
CLRW	*Clear W*	*1*	*Z*
COMF f,d	*Compliment f*	*1*	*Z*
DECF f,d	*Decrement f*	*1*	*Z*
DECFSZ f,d	*Decrement f, skip if 0*	*1(2)*	
INCF f,d	*Increment f*	*1*	*Z*
INCFSZ f,d	*Incremenff, skip if 0*	*1(2)*	
IORWF f,d	*Inclusive OR W with f*	*1*	*Z*
MOVF f,d	*Move f*	*1*	*Z*
MOVWF f	*Move W to f*	*1*	
NOP	*No operation*	*1*	
RLF f,d	*Rotate left f through Carry*	*1*	*C*
RRF f,d	*Rotate right f through Carry*	*1*	*C*
SUBWF f,d	*Subtract W from f*	*1*	*C,DC,Z*
SWAPF f,d	*Swap nibbles in f*	*1*	
XORWF f,d	*Exclusive OR W with f*	*1*	*Z*
BIT-ORIENTED FILE REGISTER OPERATIONS			
BCF f,d	*Bit clear f*	*1*	
BSF f,d	*Bit set f*	*1*	
BTFSC f,d	*Bit test f, skip if clear*	*1(2)*	
BTFSS f,d	*Bit test f, skip if set*	*1(2)*	
LITERAL AND CONTROL OPERATION			
ADDLW k	*Add literal and W*	*1*	*C,DC,Z*
ANDLW k	*AND literal with W*	*1*	*Z*
CALL k	*Call subroutine*	*2*	
CLRWDT	*Clear watchdog timer*	*1*	*/TO,/PD*
GOTO k	*Go to address*	*2*	
IORLW k	*Inclusive OR literal with W*	*1*	*Z*
MOVLW k	*Move literal to W*	*1*	
RETFIE	*Return from interupt*	*2*	
RETLW k	*Return with literal in W*	*2*	
RETURN	*Return from sunroutine*	*2*	
SLEEP	*Go into stanby mode*	*1*	*/TO,/PD*
SUBLW k	*Subtract W from literal*	*1*	*C,DC,Z*
XORLW k	*Exclusive OR literal with W*	*1*	*Z*

Jadual 2.2: Penjelasan Simbol

Symbol	***Description***
f	*Register file address (0x00 to 0x7F)*
w	*Working register*
b	*Bit address within 8 bit file register*
k	*Literal field, constant data or label*
X	*Don't care location*
d	*Destination select:* *0 = store result in W* *1 = store result in register f*
PC	*Program counter*
TO	*Time out bit*
PD	*Power down bit*

2.4 KAJIAN TERHADAP MOTOR SERVO

Antara spesifikasi pemilihan motor servo adalah kerana ia sangat berkuasa, bersaiz kecil, mempunyai daya kilasan yang tinggi, mudah dikawal, lengkap dengan litar dalaman dan lengkap dengan kotak gear dalaman. Motor servo Hitec HS-322HD adalah yang paling sesuai untuk model prototaip ini.

Kleas: Mini Servo

Voltan: 4.8v or 6.0v

Spesifikasi umum:

- Berat: 43 gram
- Gear: Standart
- Kelajuan: 0.19/0.17 saat @ 4.8v/6.0v
- Daya Kilasan: 3.0 /3.7Kg @ 4.8v/6.0v
- 1.57 x 0.78 x 1.43 inci

Rajah 2.14: Motor Servo Hitec HS-322HD

Rajah 2.15: Servo Bersaiz Kecil



Rajah 2.16: Litar dan Kotak Gear Dalaman

2.4.1 Cara Mengawal Pergerakkan Motor Servo

Motor servo dikawal dengan memanipulasikan *pulse coded modulation.* Servo akan melihat denyut ini setiap 20x10^{-3} saat. Lebar denyut ini akan menentukan kadar putaran motor servo. Sebagai contoh, 1.5x10^{-3} saat denyut akan menyebabkan servo berputar sebanyak 90 darjah. Jika lebar denyut kurang dari 1.5x10^{-3} saat, maka servo akan berputar menghampiri 0 darjah. Dan sekiranya lebar denyut melebihi 1.5x10^{-3} saat, servo akan berputar menghampiri 180 darjah. Konsep ini akan diaplikasikan semasa membuat aturcara *PIC microcontroller.*



Rajah 2.17: Konsep Putaran Motor Servo



Rajah 2.18: Kabel Motor Servo

2.6 KAJIAN PORT KABEL SESIRI

RS232 banyak digunakan dalam penghantaran data dan pengantaramuka bagi port siri. Walaupun port siri agak sukar untuk diprogram berbanding port selari tetapi ia amat sesuai dan efektif dimana penghantaran data tidak memerlukan wayar yang banyak sekaligus menjimatkan kos. RS232 ialah penghubung komunikasi yang membenarkan penghantaran dan penerimaan data dengan hanya memerlukan tiga wayar penghubung. Ketiga-tiga wayar ini ialah wayar hantar, wayar terima dan wayar bumi.

Wayar hantar dan wayar terima akan menghantar dan menerima data diantara komputer dengan peralatan. Data akan dihantar secara siri. Pin untuk wayar terima dan hantar ialah RX dan TX. Selain itu, terdapat beberapa wayar lain di dalam port siri iaitu RTS, CTS,DSR,DTR dan RTS. Penerimaan data di dalam bentuk logik 1 dan 0 dimana ia diwakili oleh tahap voltan 3V sehingga 25V dan -3V sehingga -25V.

Jadual 2.3: Penjelasan Pin DB-9 Lelaki

Nombor Pin	Singkatan	Fungsi (untuk DB-9 Lelaki)
2	RX	Terima Data
3	TX	Hantar Data
7	RTS	Request To Send
8	CTS	Clear To Send
6	DSR	Data Ready State
5	SG	Isyarat Bumi
1	DCD	Data Carrier Detect
4	DTR	Data Terminal Ready.
9	RI	Ring Indicator

Jadual 2.4: Penjelasan Pin DB-9 Perempuan

Nombor Pin	Singkatan	Fungsi (untuk DB-9 Perempuan)
3	RX	Terima Data
2	TX	Hantar Data
8	RTS	Request To Send
7	CTS	Clear To Send
6	DSR	Data Ready State
5	GND	Isyarat Bumi
1	DCD	Data Carrier Detect
4	DTR	Data Terminal Ready.
9	RI	Ring Indicator

Peralatan yang menggunakan kabel sesiri untuk komunikasi terbahagi kepada dua kategori iaitu DCE (*Data Communications Equipment*) dan DTE (*Data Terminal Equipment*). DCE ialah peralatan seperti modem manakala DTE ialah komputer utama.

Bahagian DTE		**Bahagian DCE**
3 Hantar Data	——→	**3** Terima Data
2 Terima Data	←——	**2** Hantar Data
7 Request To Send	——→	**8** Clear To Send
8 Clear To Send	←——	**7** Request To Send

2.5 PERISIAN UNTUK PIC16F84A

MPLAB IDE v7.20 digunakan untuk menulis aturcara *PIC microcontroller.* Aturcara ditulis di tetingkap aturcara.



```
Clean: Deleting intermediary and output files.
Clean: Deleted file "pipot.err".
Clean: Del
Clean: De
Clean: Del
Clean: Del
Clean: Do
Executing:
Warning[2
Message[
Message[
Warning[2
Message[
```

```
        org 0008h

colum0  addwf PCL,f
        retlw b'01111111'
        retlw b'01111110'
        retlw b'01000000'
        retlw b'01111111'
        retlw b'01111111'
        retlw b'00000000'
        retlw b'01111111'
```

Rajah 2.19: Pengantaramuka Grafik MPLAB IDE v7.20

Rajah di atas menunjukkan pengantaramuka grafik pengguna bagi perisian MPLAB IDE v7.20. Penulisan aturcara hanya menggunakan sebanyak 35 set arahan. Setelah aturcara ditulis perisian IC-Prog akan digunakan untuk memuat turun aturcara ke dalam *PIC microcontroller.*


IC-Prog 1.05A - Prototype Programmer
File Edit Buffer Settings Command Tools View Help
PIC 16F84A
Address - Program Code
Address - Eeprom Data
Configuration
Buffer 1 Buffer 2 Buffer 3 Buffer 4 Buffer 5

```
0000: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0008: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0010: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0018: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0020: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0028: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0030: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0038: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0040: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0048: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0050: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
0058: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   yyyyyyyy
```

```
0000: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0008: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0010: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0018: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0020: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0028: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0030: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
0038: FF FF FF FF FF FF FF FF   yyyyyyyy
```

Oscillator: RC

Fuses:
☑ WDT
□ PWRT
□ CP

Checksum: 3BFF
ID Value: FFFF
Config word : 3FFFh

JDM Programmer on Com1
Device: PIC 16F84A (104)

Rajah 2.20: Pengantaramuka Grafik IC-Prog versi 1.05A

Jadual 2.5: Ikon IC-Prog

Ikon	Penjelasan
	Digunakan untuk membaca aturcara yang sediaada dalam PIC
	Digunakan untuk memuat turun aturcara
	Digunakan untuk padam aturcara dalam PIC
	Digunakan untuk kenal pasti PIC
	Pilih untuk papar bahasa himpunan

IC-Prog digunakan untuk memuat turun aturcara yang ditulis menggunakan MPLAB IDE. Terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan untuk proses ini. Langkah-langkah tersebut diterangkan secara ringkas seperti dibawah:

1) Langkah yang pertama. Klik: setting >> hardware.



```
0000: 3FFF ... 3FFF 3FFF 3FFF  ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0008: 3FFF ... 3FFF 3FFF 3FFF  ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0010: 3FFF ... 3FFF 3FFF 3FFF  ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0018: 3FFF ... 3FFF 3FFF 3FFF  ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0020: 3FFF ... 3FFF 3FFF 3FFF  ÿÿÿÿÿÿÿÿ
```

Rajah 2.21: Menu *Setting*

2) Pastikan semua pilihan diset seperti di bawah:


Hardware settings

Programmer: JDM Programmer

Interface: ○ Direct I/O ● Windows API

Ports: ● Com 1 ○ Com 2 ○ Com 3 ○ Com 4

Communication: □ Invert Data Out □ Invert Data In □ Invert Clock □ Invert MCLR □ Invert VCC □ Invert VPP

I/O Delay (5)

Rajah 2.22: Menu Set Peranti

3) Pilih jenis PIC yang digunakan.



```
0000: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿ
0008: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿ
0010: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿ
0018: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿ
0020: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿ
0028: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
```

Rajah 2.23: Menu Pilih PIC

4) Buka aturcara yang hendak dimuat turun. Aturcara adalah dalam bentuk fail *hex.*

5) Untuk PIC16F84A pilih pengayun kristal dan padam semua fius.


IC-Prog 1.05A - Prototype Programmer
File Edit Buffer Settings Command Tools View Help
PIC 16F84A
Address - Program Code
Configuration
Address - Eeprom Data

```
0000: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0008: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0010: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0018: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0020: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0028: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0030: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0038: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0040: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0048: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0050: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
0058: 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF 3FFF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ

0000: FF FF FF FF FF FF FF FF   ÿÿÿÿÿÿÿÿ
```

Oscillator: XT

Fuses:
□ WDT
□ PWRT
□ CP

Rajah 2.24: Set Opsyen Pengayun dan Fius

6) Sambungkan *PIC burner* pada komputer.

7) Langkah yang terakhir klik ikon program.

BAB 3

METADOLOGI PROJEK

Merupakan bahagian penerangan prosedur dan kaedah yang akan digunakan untuk melaksanakan projek. Menerangkan langkah demi langkah proses pembinaan model projek sehingga selesai.

3.1 CARTA ALIR METADOLOGI PROJEK




A
Membangunkan aturcara *PIC microcontroller, visual basic* dan pengantaramuka grafik pengguna.
Memuat turun aturcara ke dalam *PIC microcontroller.*
Pengujian litar
Uji litar 1 dan litar 2?
Tidak
Ya
Mengenalpasti masalah dan pembaikian
Mereka layout papan litar bercetak
Membina litar di atas papan litar bercetak
Melengkapkan prototaip model
Tamat

3.2 PENERANGAN METADOLOGI PROJEK

a) Kajian Latar Belakang

1. Mengumpulkan maklumat berkaitan dengan PIC16F84A. Ini termasuklah senibina *PIC microcontroller*, litar *PIC burner* untuk memuat turun aturcara ke dalam *PIC microcontroller*, perisian yang digunakan untuk membangunkan aturcara *PIC microcontroller* seperti *MPLAB IDE* dan perisian yang akan menukar aturcara tersebut ke dalam bentuk fail penomboran enam belas *(hex file)* seperti *IC-Prog 1.05A*.
2. Mengkaji kaedah penggunaan perisian Visual Basic 6.0 untuk membina pengantaramuka grafik pengguna. Ini termasuklah aturcara *servo commander* yang akan menjadikan pengantaramuka berfungsi.
3. Menggumpul maklumat berkaitan motor servo. Ini termasuklah spesifikasi motor servo tersebut, konsep kawalan motor servo menggunakan *PIC microcontroller*, perkakasan tambahan motor servo dan jenis motor servo yang bersesuaian.
4. Menggumpul maklumat berkaitan litar yang menggunakan *PIC microcontroller* untuk mengawal motor servo.
5. Mengkaji kaedah penyambungan kabel serial.

b) Pembinaan Litar

1. Litar-litar untuk penghasilan model projek ini seperti litar *PIC microcontroller 1*, litar *PIC microcontroller 2* dan litar bekalan kuasa dibina di atas *veraboard*.
2. Litar-litar ini akan diuji kefungsiannya setelah ia siap dipasang.
3. Bagi litar bekalan kuasa, rekabentuk dan pengujian dilakukan menggunakan perisian *EWB Multisim*.

c) Membangunkan Aturcara *PIC Microcontroller*, *Visual Basic* dan Pengantaramuka Grafik Pengguna.

1. Terdapat dua aturcara yang akan dibangunkan iaitu aturcara *PIC microcontroller* dan aturcara *visual basic*. Aturcara ini masing-masing menggunakan perisian *MPLAB* dan *Visual Basic 6.0*
2. Pengantaramuka grafik pengguna juga direka semasa proses ini menggunakan perisian *Visual Basic 6.0.*

d) Mengabungkan Litar *PIC Microcontroller* dengan Aturcara.

1. Aturcara yang telah siap dibina akan digabungkan dengan litar dan diuji kefungsiannya.
2. Aturcara *PIC microcontroller* akan dimuat turun menggunakan *PIC burner.*

e) Pengujian Litar

1. Setelah litar *PIC microcontroller 1* dan litar *PIC microcontroller 2* dibina diatas veraboard dan digabungkan dengan aturcaranya, ianya akan pula diuji kefungsian.
2. Kefungsian diuji dengan kaedah memastikan litar *PIC microcontroller 1* dan litar *PIC microcontroller 2* menerima arahan dari pengantaramuka grafik pengguna dan seterusnya menggerakkan motor servo berdasarkan arahan tersebut.
3. Sekiranya terdapat masalah pada mana-mana litar, ia akan terus diperbaiki dan diuji semula.

f) Mereka Layout Papan Litar Bercetak

1. Litar-litar yang telah diuji dan dipastikan berfungsi akan dipilih untuk bina di atas papan litar bercetak.
2. Litar yang telah dikenalpasti untuk dibina diatas papan litar bercetak akan direka menggunakan perisian *proteus ISIS 6 Profesional* dan *proteus ARES 6 Profesional.*
3. Kaedah ini dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan kesilapan yang akan menyebabkan kesukaran apabila memasukkan komponen.

g) Membina Litar Papan Litar Bercetak

1. Layout papan litar bercetak yang direka dicetak pada *PCB board*, dan lubang pin komponen ditebuk.
2. Komponen akan dipasangkan ditempat masing-masing dan dipateri kakinya.

h) Melengkapkan Prototaip.

1. Tumpuan diberikan kepada pembangunan bahagian mekanikal seperti merekabentuk model bingkai dan tirai, memasang motor pada bingkai dan memasang litar pada kotak (*casing*).

BAB 4

KEPUTUSAN DAN ANALISIS

Di dalam bab ini, hasil keputusan dan ujikaji litar dinyata dan dibincangkan. Terdapat dua litar yang telah dibangunkan untuk ujikaji. Litar ujikaji 1 merupakan litar pengawal motor servo yang ringkas manakala litar ujikaji 2 merupakan litar pengawal motor servo yang lebih komplek. Daripada pemerhatian ujikaji, litar 2 telah dipilih untuk dibangunkan di atas papan litar bercetak. Bab ini juga akan membincangkan langkah-langkah pengubahsuaian yang telah dilakukan ke atas motor servo kerana motor servo yang asal hanya dapat berputar sebanyak 60 darjah sahaja. Selain itu, bab ini juga membincangkan aturcara-aturcara yang telah dibangunkan seperti aturcara visual basic dan aturcara *PIC microcontroller*.

4.1 ANALISIS LITAR PENGAWAL MOTOR SERVO – LITAR 1

Litar ujikaji 1 ini adalah litar pengawal motor servo yang ringkas. Ia hanya memerlukan komponen seperti port DB-9 Perempuan, dua buah perintang bernilai $22x10^3$ ohm dan $4.7x10^3$ ohm, sebuah pengayun kristal bernilai $4x10^6$ Hertz dan sebuah kapasitor bernilai $0.1x10^{-9}$ Farad. Pin nombor 5 DB-9 perempuan akan disambungkan pada bumi manakala pin nombor 3 akan disambungkan pada pin RA0 PIC16F84A. Pin no 3 ini berfungsi untuk menghantar data dari komputer utama ke PIC. Pin DB-9 perempuan yang selebihnya tidah disambungkan. Litar ini mempunyai kelemahan dimana komputer utama tidak dapat menerima data dari litar PIC. Untuk litar ini, hanya PIC sahaja dapat menerima data atau arahan pengguna dari komputer. Komputer tidak akan mendapat maklum balas dari litar PIC. Litar ini mampu menampung keluaran sebanyak dua belas buah motor servo.



Rajah 4.1: Litar Skematik Pengawal Motor Servo – Litar 1



Rajah 4.2: Litar Pengawal Motor Servo – Litar 1

4.2 ANALISIS LITAR PENGAWAL MOTOR SERVO – LITAR 2

Litar ujikaji 2 adalah litar pengawal motor servo yang lebih komplek. Ia merupakan gabungan beberapa litar seperti litar komunikasi sesiri, litar penjana jam, litar isyarat masukkan dan litar keluaran PIC16F84A. Litar ini hanya boleh menampung keluaran sebanyak 8 buah motor servo sahaja. Kelebihan litar ini ialah litar ini boleh menghantar maklum balas kepada komputer utama. Litar ini telah dipilih untuk dibangunkan di atas papan litar bercetak.

4.2.1 Kendalian Litar Pengawal Motor Servo – Litar 2

Dengan merujuk rajah 4.3, litar komunikasi sesiri ini dihubungkan dengan komputer utama bermula di P1, penghubung BD9 perempuan (*female DB9 connector).* Pin 1,4 dan 6 disambungkan bersama untuk memastikan komputer utama menerima data sesiri dari *PIC microcontroller* pada bila-bila masa. Pin 5 disambungkan ke litar bumi manakala pin yang selebihnya disambungkan ke MAX232.

Chip MAX232 digunakan untuk menukar isyarat voltan dari RS232 kepada isyarat logic CMOS yang boleh digunakan oleh *PIC microcontroller*. Ia mempunyai dua penerima yang menukar isyarat RS232 kepada isyarat logik CMOS dan dua pemancar yang menukar isyarat logik CMOS ke isyarat voltan RS232. Kapasitor C1, C2, C3, C4, dan C5 digunakan untuk menjana voltan +10 volt dan – 10 volt.

Garis RX dari port sesiri disambungkan kepada keluaran pemancar pertama (T1Out) dimana ia dikawal oleh isyarat *Serial Out* dari *PIC microcontroller* pin RA0. Garis TX disambungkan kepada masukkan penerima kedua (R2In) dimana ia mengawal isyarat *Serial In* yang disambungkan ke *PIC microcontroller* pin RA3. Garis CTS dari port sesiri disambungkan kepada keluaran pemancar kedua (T2Out) dimana ia dikawal oleh isyarat *Clear To Send* dari *PIC microcontroller* pin RA2. Manakala garis RTS disambungkan kepada masukkan penerima pertama (R1In) dimana ia mengawal isyarat *Request To Send* yang disambungkan ke *PIC microcontroller* pin RA1.

PIC16F84A ini menggunakan pengayun kristal 4X10^6 hertz. Isyarat jam ini dibahagikan kepada 4 bahagian untuk mengawal jam arahan *PIC microcontroller* bagi membolehkan *PIC microcontroller* melaksanakan arahan dalam masa 1x10^{-6} saat untuk setiap arahan. Manakala semua pin RB bermula dari RB0 ke RB7 digunakan sebagai keluaran *PIC microcontroller* untuk mengawal motor servo. Kesemua pin ini akan disambungkan ke pin isyarat masukkan pada motor servo.

LED D1 disambungkan pada pin RA4 dan pada bekalan kuasa 5 volt melalui perintang R1. Perintang R1 bertindak sebagai perintang penghad arus. Aturcara PIC akan menyalakan LED setiap kali bit data diterima dari komputer utama. Ia akan menyala semasa RA4 dalam keadaan aktif rendah.

Untuk litar ini terdapat pengubahsuaian dilakukan, iaitu dua kapasitor seramik di tanggalkan dari litar penjana jam yang sebenar. Setelah kapasitor ini ditanggalkan, litar didapati dapat berfungsi mengikut arahan pengantaramuka grafik pengguna.



Rajah 4.3: Litar Penjana Jam yang asal



Rajah 4.4: Litar Penjana Jam yang baru



Rajah 4.5: Litar Skematik Pengawal Motor Servo – Litar 2



Rajah 4.6: Litar Pengawal Motor Servo – Litar 2



Rajah 4.7:Papan Litar Bercetak – Litar 2

4.3 ANALISIS LITAR BEKALAN KUASA

Litar bersepadu alat atur (*IC Regulator*) digunakan untuk mendapatkan keluaran 5 volt yang tepat. Chip yang digunakan ialah chip Lm7805. Diod D1 menawarkan kekutuban terbalik untuk keselamatan litar. Kapasitor C2 digunakan untuk menstabilkan pengayun manakala kapasitor C1 digunakan untuk menapis kuasa dari bekalan 9 volt



Rajah 4.8: Litar Skematik Bekalan Kuasa

4.4 PENGUBAHSUAIAN MOTOR SERVO

Pengubahsuaian terhadap motor servo perlu dilakukan memandangkan servo yang asal hanya boleh berputar sebanyak 60 darjah ke kanan dan 60 darjah ke kiri. Pengubahsuaian ini perlu dilakukan untuk menjadikan servo boleh berputar sebanyak 360 darjah. Sebelum pengubahsuaian dilakukan, beberapa peralatan diperlukan seperti pemutar skru mata philips, pemutar skru mata rata, playar muncung tirus dan playar pemotong.

Langkah 1

Tanggalkan skru yang terdapat di belakang penutup motor servo menggunakan pemutar skru mata philips.



Rajah 4.9: Skru Belakang Motor Servo

Langkah 2

Setelah skru ditanggalkan, buka penutup yang menutup motor servo. Pada masa ini, gear dalam dapat dilihat dengan jelas.



Rajah 4.10: Gear Dalaman Motor Servo

Langkah 3

